

CNS9518

U GB 07-02 00189 BH870

AAB

Mahathir - Lebuh Raya

LEBUH RAYA UTARA - SELATAN BUKTI KEJAYAAN PENSWASTAAN

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Pembukaan sepenuhnya Lebuh Raya Utara - Selatan hari ini membuktikan bahawa dasar penswastaan banyak memberi manfaat kepada rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Sambil mengucapkan tahniah kepada syarikat Projek Lebuh Raya Utara - Selatan (PLUS) yang dapat menyiapkan projek itu 15 bulan lebih awal daripada jadual, Dr Mahathir berkata, lebuh raya itu akan menguntungkan semua pihak.

"Saya ucap tahniah kepada PLUS kerana berjaya mempercepatkan pembinaan lebih setahun lebih awal dan ini ialah satu kejayaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat Kumpulan Industri Malaysia-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Keseluruhan Lebuh Raya Utara - Selatan sepanjang 890 kilometer dari Bukit Kayu Hitam di sempadan Kedah-Thailand ke Johor Baharu dibuka hari ini dengan pembukaan fasa terakhir antara Tapah dan Gopeng sejauh 30.3 km diramsikan pembukaannya oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah.

Perdana Menteri berkata, Malaysia memerlukan syarikat yang agresif seperti PLUS untuk melaksanakan projek-projek penswastaan di negara ini. --
Lagi.

▼07/02/15-45MST

U GB 07-02 00202 BH872

AAB

Mahathir - Lebuh Raya 2 (Akhir) Kuala Lumpur (Ulangan Menutup Item)

Beliau berkata, projek itu tidak akan dapat disiapkan mengikut jadual bahkan mungkin lebih lewat daripada itu jika ia dilaksanakan kerajaan yang tidak begitu berminat dengan pendapatan melalui projek itu.

"Ini membuktikan betapa penswastaan membawa banyak manfaat kepada rakyat, selain kepada PLUS umpamanya, kita (kerajaan) juga dapat untung banyak melalui cukai (daripada syarikat) dan daripada cukai itu juga kita akan berbelanja kepada rakyat, jadi rakyat tidak rugi dengan cara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengawal kadar tol yang akan dikenakan PLUS kepada pengguna lebuh raya itu untuk memastikan ia munasabah.

"Sebenarnya kadar tol di negara ini jauh lebih rendah berbanding dengan (kadar tol) di negara lain, yang jenis dan kualiti jalannya lebih kurang sama," katanya.

Kalau diambil kira mengenai mutu jalan di negara ini dan penjimatan daripada penggunaannya jika dibandingkan dengan negara lain yang mempunyai sistem tol, para pengguna di negara lain membayar jauh lebih tinggi.

Pengguna kereta perlu membayar RM66.75 bagi keseluruhan perjalanan dari Bukit Kayu Hitam ke Kempas di Johor Baru. Jumlah itu berdasarkan kadar tol 7.5 sen setiap kilometer. -- Bernama.

AFY JO KAM.